

CNS1011

R GB08-06 00142 HA'746

aab

PERISYTIHARAN RAJA-RAJA AKAN DITANDATANGAANI PADA 4 JULAI

Mahathir - Raja

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Draf Perisytiharan Raja-Raja telah dipersetujui oleh Raja-Raja Melayu dan akan ditandatangani pada 4 Julai ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, kandungan Perisytiharan Ra j a-Ra j a' itu akan diumumkan kemudian.

Draf itu akan juga dikemukakan kepada kabinet untuk makluman kabinet serta memberikan pandangan, katanya pada persidangan akhbar selepas Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di ibu pejabat Umno, di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata, Raja-Raja telah bersetuju dengan draf tersebut dan menandatangani draf itu adalah formaliti sahaja.

Ditanya sama ada draf tersebut akan diperbetulkan semula sekiranya Raja-Raja mahu memperbetulkannya semula, beliau berkata, perbincangan mengenai draf itu dengan Raja-Raja, telah diadakan sebanyak enam kali dan ia telah pun dipersetujui. -- Lagi

▼08/06/16-13MST

aab

Mahathir - Raja 2 Kuala Lumpur

Pada pertemuan antara perwakilan Majlis Tertinggi (MT) Umno dengan Raja-Raja Melayu' pada 25 April lepas, Raja-Raja pada umumnya berkenan dengan semua perkara pokok dalam draf yang dipersembahkan dan hanya memerlukan urusan mengedit dan menghalusi beberapa istilah dan ayat.

MT pada mesyuaratnya pada 17 April lepas, telah menyemak, membincang, serta membuat pindaan ke atas dokumen draf Tatacara Perilaku Raja-Raja Yang disediakan oleh tujuh anggota MT, sebelum memutuskan untuk dikemukakan kepada Raja-Raja pada 25 April.

Penyediaan tatacara itu dipersetujui ekoran majlis menghadap Raja-Raja oleh semua anggota MT, kecuali Presiden dan Timbalan Presiden, bagi mempersembahkan memorandum mengandungi pandangan Umno mengenai pembabitan Istana dalam politik, pentadbiran dan perniagaan, pada 25 Feb lepas.

Draf itu kemudian dikenali sebagai Perisytiharan Raja-Raja kerana ia akan diperkenan oleh Raja-Raja dan tidak lagi merupakan dokumen kerajaan atau MT Umno.

Dr Mahathir juga berkata, mesyuarat MT hari ini juga membincangkan secara mendalam mengenai Umno Sabah dan persiapan bagi menghadapi pilihan raya negeri Sabah. -- Lagi

▼08/06/16-39MST

CNS1058

R GB08-06 00082 BA750

aab

Mahathir - Raja 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, beliau titlak mengetahui bila pilihan raya negeri itu akan diadakan tetapi berkata Umno amat sensitif dan akan bersiap sedia jika mendengar mengendainya.

Katanya, beliau percaya Barisan Nasional boleh memenangi pilihan raya di Sabah.

Dr Mahathir juga berkata, mesyuarat MT hari ini 'mendapati mesyuarat perwakilan Umno Dahagian Gaya, Sabah adalah sah dan oleh itu Umno bahagian tersebut tidak perlu mengadakan semula mesyuarat mereka. -- Bernama

▼08/06/16-44MST